



DALAM NEGERI

ARKIB : 12/09/2001

Ketepikan pendekatan konfrontasi

GENTING HIGHLANDS 11 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kepimpinan peringkat sekolah mengetepikan pendekatan terlalu berbentuk konfrontasi dan menghukum bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kepada para pelajar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pendekatan seumpama itu tidak berkesan untuk membendung masalah sosial dan moral remaja sebaliknya akan melahirkan perasaan penentangan di kalangan mereka.

``Saya hendak supaya sekolah menjadi tempat yang menyeronokkan dan bukannya membosankan.

``Kepimpinan yang bijak di peringkat sekolah akan dapat menjadikan sekolah sebagai satu taman penghidupan yang indah dan mempunyai tarikan kepada para pelajar untuk berminat berada di dalamnya," kata beliau.

Abdullah berkata demikian ketika menyampaikan ucap utama pada Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2001 di Institut Aminuddin Baki (IAB) di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri menambah, para pendidik wajar memikirkan pendekatan alternatif yang dapat mengalirkkan tenaga lebihan yang tersimpan dalam diri remaja ke saluran yang boleh menjana kegiatan yang produktif.

Untuk itu, katanya, kepimpinan sekolah perlu berfikir secara strategik dalam usaha membantu mengatasi masalah moral dan kurang disiplin di kalangan remaja.

Menurut beliau, ia boleh dilakukan dengan memperkenalkan gerak kerja dan kegiatan yang menunjukkan penghargaan terhadap semua pelajar, terutama yang kurang menunjukkan prestasi cemerlang di bidang akademik.

Selain itu, Abdullah menegur tindakan sesetengah guru yang bercanggah dengan etika perguruan terutama menyelitkan perkara-perkara yang tidak berkait dengan urusan sekolah dalam persekitaran pendidikan.

``Dalam situasi sedemikian, sumber dan tenaga akan menjadi tidak produktif dan akibatnya, pelajar yang mengharapkan bimbingan dan panduan para guru menjadi mangsa kepada persekitaran pendidikan yang songsang," katanya.

Justeru, Abdullah mengingatkan pengetua dan guru besar supaya menggunakan kuasa dan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memastikan dasar pendidikan negara dapat diterjemah dengan betul dan tepat di peringkat pelaksanaan.

Tambah beliau, pemimpin yang berkesan di peringkat sekolah bukan sahaja dapat memenuhi sasaran pencapaian sekolah tetapi dapat menerapkan penghayatan terhadap wawasan negara sehingga dapat didukung secara bersama oleh setiap warga sekolah dan masyarakat sekitar.

Baginya, warga pendidik yang hanya bergantung kepada gaji dan elauan serta bersikap lepas tangan dalam melaksanakan arahan dan dasar kerajaan adalah mereka yang gagal dalam tugas.

Menurut Abdullah, tiga faktor yang menjamin kemajuan sekolah ialah guru besar yang dihormati, guru-guru yang penuh dedikasi dan pelajar yang berdisiplin dan bersungguh-sungguh.

Di samping itu, beliau mahu Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) menjadi persatuan dinamik yang boleh membantu menjayakan sekolah dan anak-anak mereka.

Abdullah sedih kerana dalam keadaan kemudahan pelajaran yang banyak disediakan sekarang termasuk guru-guru terlatih, pelajar tidak menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi.

``Ya, mungkin ada pelajar yang menyerlah sebagai individu tetapi sebagai satu kumpulan, tahap pencapaian akademik anak-anak kita masih rendah," katanya.

Dalam hal ini, beliau sekali lagi menggesa warga pendidik khususnya pengetua supaya melakukan muhasabah diri bagi menilai sama ada telah menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Menurutnya, kerajaan Barisan Nasional (BN) dan UMNO akan terus memperjuangkan ilmu pengetahuan untuk semua lapisan rakyat kerana menyedari kepentingannya menentukan kedudukan bangsa.

Beliau mencabar warga pendidik menggunakan segala kemudahan yang ada untuk membawa bangsa Malaysia ke mercu kejayaan.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0912&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm#ixzz2vnzjBakt

© Utusan Melayu (M) Bhd